

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Masalah

Dalam arus kemajuan yang semakin memuncak kini, segala-galanya turut berubah. Peredaran zaman turut menyuntik pemikiran penulis supaya terus meneroka dan menelusuri saujana kehidupan ini dengan memanfaatkan segala yang ada untuk dijadikan suatu hasil yang berguna.

Justeru itulah taraf pengetahuan di kalangan masyarakat Malaysia khususnya semakin tinggi. Kalau dahulu masyarakat Malaysia ini diketahui dengan taraf pendidikan yang rendah sehingga purata golongan yang buta huruf melangkaui jumlah yang celiak huruf. Tetapi tidak lagi sekarang, kerana kesedaran masyarakat tentang budaya ilmu dan pendidikan menjadikan masyarakat kita tidak lagi dibelenggu dengan gejala kejahilan ilmu.

Jika dilihat hari ini, semakin banyak pusat pengajian didirikan sama ada yang dibina oleh kerajaan, orang perseorangan ataupun pihak swasta. Fenomena ledakan ilmu kini semakin memuncak. Ini kerana peluang untuk mendapatkan ilmu pendidikan pada masa kini semakin meluas .

Walau apapun tanggapan yang dibuat tentang sejarah pendidikan, kenyataannya tetap bermula daripada terbentuknya syiar Islam di atas muka bumi ini. Iaitu setelah Muhammad S.A.W diangkat menjadi Rasul. Wahyu pertama yang diturunkan ialah [ۖ]. Di sebalik perintah Allah memerintahkan Rasulnya membaca dengan nama Allah adalah bermaksud supaya perkara pertama yang mesti ditegakkan dalam diri manusia ialah Allah. Inilah pendidikan pertama yang diajar oleh Allah kepada Rasulnya bersempena pengtauliah Nabi Muhammad sebagai Rasul akhir zaman.

Berbalik kepada tajuk kajian penulis kali ini, penulis cuba meneroka sejarah penglibatan Tuan Guru Hj.Omar, iaitu salah seorang tokoh ulama di daerah Besut pada pertengahan abad yang ke 20. Beliau adalah antara pencetus keilmuan dikalangan masyarakat Besut dengan mengambil inisiatif menubuhkan pondok pengajian ilmu yang masih berkesinambungan sehingga sekarang. Beliau adalah antara orang yang bertanggungjawab menaikkan taraf masyarakat Besut ke arah memajukan diri dengan ilmu pengetahuan. Hasil daripada didikan beliau, beberapa tokoh ilmuan berjaya dibentuk.

Keikhlasan dan kejururannya memikul tanggungjawab telah melahirkan murid-muridnya yang bukan sahaja terlibat dalam pendidikan agama, tetapi juga dalam bidang politik, pentadbiran dan kehakiman.

Penulis memilih tajuk ini adalah bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat Besut khususnya terhadap apa yang telah disumbangkan oleh beliau yang mungkin tidak diketahui umum atau mungkin sudah dilupakan. Dan semoga dengan penyelidikan ini akan menjadikan semua anggota masyarakat sedar akan kesungguhan tokoh ulama terdahulu dalam menyebarkan pendidikan agar syiar Islam terus menyinari persada alam maya ini.

Akhirnya semoga kajian ini mampu mengubah paradigma masyarakat, juga dapat memberi manfaat kepada penulisan pembaca Harapan penulis agar segala usaha ke arah menyiapkan kajian ini akan direjadi dan diberkati oleh Yang Maha Esa .

1.2 Latar Belakang Lokasi

1.2.1 Kedudukan Daerah Besut

²

Besut ialah sebuah Daerah dalam Negeri Terengganu yang terletak di bahagian utara yang bersempadan dengan Negeri Kelantan.¹ Besut dari aspek geografinya amat hampir dengan negeri Kelantan. Sejarah lampauanya juga menunjukkan bahawa Besut dulunya sebahagian daripada Kelantan. Oleh itu tidak hairanlah kalau budaya penduduk Besut lebih cenderung ke Kelantan daripada Terengganu terutamanya dari segi makanan dan percakapan.²

Oleh kerana letaknya bersempadan dengan negeri Kelantan maka percakapan penduduknya adalah sama sahaja dengan loghat Kelantan. Percakapan inilah yang membezakan orang Besut dengan rakyat Terengganu di daerah-daerah lain.³

1.2.2 Sejarah Awal Daerah Besut

Terdapat pelbagai cerita mengenai sejarah awal Besut yang tidak dapat dibuktikan kerana tidak ada bahan yang bertulis. Kononnya Besut pada zaman dahulu berada di bawah kekuasaan Siam. Perkataan “Be” yang bermakna daerah dan “Sut” menggambarkan satu kawasan yang jauh atau hujung. Ringkasnya Besut bermakna daerah yang paling jauh. Ini merujuk kepada jarak antara pusat pemerintahan Siam di Bangkok dengan Besut.⁴

Mengikut cerita-cerita lisan, kawasan yang kini dikenali dengan nama Besut pernah diperintah oleh seorang raja yang bergelar “ Raja Sang Nyanya”, seorang ketua perompak lanun yang amat zalim. Kerana kezalimannya itu, tidak ramai orang yang ingin tinggal di Besut. Hanya selepas kematiannya Besut didiami orang . Diantara mereka termasuklah sekumpulan orang Pangan di bawah ketua mereka yang bernama *Besut*. Adalah dipercayai nama Besut adalah berasal daripada nama orang Pangan itu.⁵

Mengikut ceritanya Besut pada asalnya adalah diduduki oleh orang Pangan (asli). Keadaan ini kemudiannya bertukar dengan kedatangan orang Melayu. Orang Melayu yang baru datang itu tidak diketahui dari mana asalnya. Ketua bagi orang Melayu itu dikatakan bernama Che Latif.

Adalah menarik ceritanya bagaimana Besut bertukar tangan dari orang Pangan kepada orang Melayu. Dikatakan bahawa ketua orang Pangan itu telah menyerahkan kawasan pemerintahannya kepada Che Latif dengan tukaran hanya satu gantang mata kail. Dari sini kita dapat ketahui bahawa nama daerah Besut itu adalah berasal daripada nama orang Pangan tersebut.⁶

1.2.3 Taburan Penduduk Dan Sosio Ekonomi

Jumlah penduduk Besut mengikut bancian pada tahun 1970 ialah lebih kurang 79,240 orang.⁷ Manakala bancian pada tahun 1993 pula mendapati jumlah penduduk Besut menjangkau seramai 118,000 orang.⁸

Penduduk Besut boleh dikatakan 99% terdiri daripada orang Melayu dan terdapat beberapa ratus orang Cina yang tinggal terutama di dua pekan iaitu di Kuala Besut (Pusat Perikanan terbesar di Besut) dan Jerteh (Pekan terbesar di Besut).⁹

Dari segi ekonomi sebenarnya penduduk Besut lebih banyak melibatkan diri dengan sektor pertanian sebagai penanam padi, tembakau, getah, kelapa sawit, dusun buah-buahan dan kelapa. Kegiatan perikanan cuma merupakan sebahagian kecil sahaja daripada kegiatan ekonomi penduduknya.¹⁰

Namun begitu tidak semua penduduknya bertanam padi. Ada juga penduduk yang hanya mendapat bekalan beras dengan membeli sahaja. Penghasilan padi bolehlah dikatakan melebihi daripada keperluan, ini berdasarkan adanya beras yang dieksport melalui kapal-kapal besar yang berulang-alik di dalam perdagangan. Boleh dikatakan barang keperluan harian terutamanya barang-barang makanan adalah murah.

Dari segi ternakan pula antara peliharaan yang ada ialah lembu, kerbau, ayam, itik, kambing dan lain-lain lagi. Kerbau dan lembu boleh dikatakan dipelihara oleh sebilangan besar penduduknya.¹¹

1.2.4 Pendidikan

Mengenai taraf pengetahuan Islam di kalangan masyarakat Besut boleh dikatakan agak tinggi. Kenyataan ini dibuat berdasarkan perkembangan dan ketibaan Islam yang awal di Terengganu dan Kelantan. Sejarah telah membuktikan terdapat Batu Bersurat di Terengganu ditulis dengan huruf jawi di Kuala Berang oleh Syed Hussin b. Ghulam al-Bukhari seorang peniaga Terengganu dalam tahun 1897.¹²

Di samping itu Islam telah bertapak kuat di Kelantan sejak abad ke 13 Masihi lagi. Hakikat ini dapat diketahui dari sekeping dinar emas yang dijumpai di Kubang Labu (bekas ibu Kota Kelantan) yang terletak di tebing Sungai Kelantan berhadapan dengan bandar Kota Bharu sekarang.

Di atasnya tertulis *al-Mutawakkal a'la Allah* (الموکل علی اللہ) dan di sebelahnya tertulis al-Julus Kelantan (الجلوس كلنن) dan angka 00V bererti tahun 557.¹³ Maka kemajuan Islam di Kelantan yang berjiran dengan Terengganu tentu sekali memberi kesedaran yang besar bagi kemajuan dan perkembangan Islam di Terengganu.¹⁴

Dalam kenyataan yang dipetik daripada sejarah Kelantan dan Terengganu tidak hairanlah penduduk Terengganu khususnya di kawasan Besut terdidik dengan adat ketimuran dan kelslaman yang kukuh dan sempurna. Ini terbukti dengan tertubuhnya beberapa buah pondok sebagai institusi agama di Kampung Lampu, Besut, Terengganu. Imam Masjid Kampung Raja, Besut iaitu Haji Mat dan Tuan Guru Haji Omar di Kampung Raja, Besut, Tuan Guru Hj Abd. Latif di Alor Keladi, Jerteh, Besut dan beberapa pondok lagi yang diasaskan oleh anak watan Besut, Terengganu.¹⁵

◆◆◆

Berbanding dengan daerah-daerah lain di Terengganu, kecuali Kuala Terengganu. Besut mempunyai tradisi pengajian pondok yang kukuh. Kemunculan pondok di Besut, Terengganu juga mempunyai kaitan dengan kehadiran ulama dari Patani yang berulang-alik dari Patani ke Besut yang kemudiannya menetap dan terus mengajar di Besut. Kehadiran orang yang berasal dari Patani ke daerah Besut, serta dengan ketiadaan ulama yang berkelayakan untuk mengajar dan membimbing orang ramai di daerah itu pada suatu ketika dulu, turut memudahkan pengasasan dan perkembangan pondok di situ.

Masyarakat Besut yang umumnya terdiri daripada petani, menyediakan ruang kepada kemunculan dan penglibatan ulama yang bersedia mengajar di situ. Pekerjaan menanam padi pula memerlukan masa yang sedikit. Dengan ini membolehkan para petani menggunakan masa lapang mereka untuk mempelajari al-Quran dan mengikuti pelajaran agama daripada para ulama. Keadaan mereka juga turut berbeza dengan kedudukan kaum nelayan. Oleh kerana kesibukan dan kepenatan bekerja, penangkap ikan di Besut tidak begitu menghiraukan sangat tentang pendidikan agama. Di samping itu, ulama yang datang daripada Patani ini juga turut mendapat tempat di kalangan pihak istana. Mereka juga menjadi guru kepada anak-anak raja. Malah terdapat di kalangan putera-putera Raja yang menerima pendidikan secara perseorangan daripada ulama tersebut.

Antara ulama Patani yang berjasa besar kepada perkembangan pendidikan Islam di Besut ialah Tuan Guru Hj Hassan al-Patani. Ketika di Patani lagi beliau pernah menjadi guru. Antara murid-murid beliau ialah, Tuan Guru Hj Hussin, iaitu antara tokoh yang mempelopori pendidikan Islam di daerah Besut.¹⁶

1.3 Pengertian Tajuk

Sebelum difahami pengertian tajuk kajian ini, perlu terlebih dahulu difahami maksud setiap perkataan pada tajuk berkenaan. Tajuknya adalah sebagai ³gaimana berikut:

(Tuan Guru Haji Omar Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Di Daerah Besut, Terengganu).

Maksud Am :

Tuan Guru Hj.Omar:

Hj. Omar bin Ahmad Che Wan Chek Latif bin Che Chek bin Che Wan bin Che Darjah.¹⁷

Dan : Kata yang menghubungkan dua perkataan (frasa atau ayat).¹⁸

Sumbangan : Tangan, derma, donasi, pemberiaan, penyolok, bantuan, pertolongan yang diberikan sokongan sumbangsih.¹⁹

Terhadap: Ditujukan, dihalakan, tertumpu.²⁰

Pendidikan : Pengasuhan, tarbiah, pemeliharaan.²¹

Di : Kata depan yang menunjukkan tempat dan lain-lain.²²

Daerah : Wilayah, mandala, lingkungan, bulatan, golongan, bilangan, lingkaran, desa, kampung, negeri, jajahan, kawasan, blok, batas.²³

Besut : Sebuah daerah dalam negeri Terengganu yang terletak di bahagian utara bersempadan negeri Kelantan.²⁴

Terengganu : ialah sebuah negeri yang terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia, mempunyai keluasan 13,080 persegi, ibu negerinya ialah Kuala Terengganu.²⁵

1.4 Tujuan Penyelidikan

Disertasi ini mempunyai objektif dan tujuan yang hendak dicapai. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Untuk mendapatkan maklumat sebenar dan tepat mengenai sejarah awal daerah Besut. Begitu juga tarikh sebenar kedatangan Islam ke daerah ini.
- (ii) Untuk memperolehi gambaran sebenar tentang tokoh yang dianggap sebagai antara pelopor kepada kebangkitan ilmu di daerah Besut.
- (iii) Untuk mengetahui sejauh mana penerimaan masyarakat Besut terhadap pendidikan Islam yang dibawa oleh tokoh.
- (iv) Melatih penulis didalam bidang penulisan sebagai salah satu daripada *wasilah* (cara) dakwah Islamiyah. Bak kata pepatah “**Mata pena itu lebih tajam daripada mata pedang**”

- (v) Untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- (vi) Untuk menghasilkan bahan rujukan yang bakal memberi manfaat kepada generasi akan datang agar mereka lebih perhatin terhadap besarnya sumbangan ulama di dalam menyebarkan syiar Islam.

1.5 Kepentingan Kajian

Aspek pendidikan adalah suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Islam dan pendidikan adalah sinonim. Kedua-duanya mempunyai ikatan antara satu sama lain. Kerana agama Islam didasari dengan ilmu pengetahuan. Ini kerana Rasulullah s.a.w sendiri telah dididik secara langsung oleh Allah s.w.t, ~~dan kemudiannya~~ Baginda pula menjadi wakil dan utusan sebagai pendidik kepada umat manusia seluruhnya.

Tinjauan khusus di Malaysia, ramai di kalangan tokoh-tokoh agama berjaya dilahirkan di negara ini umumnya dan di daerah Besut khususnya. Antara tokoh ulama Besut ialah, Tuan Guru Haji Abd Latif Awang Alor Keladi, Tuan Guru Hj Abbas, Tuan Guru Hj Husin Lampu, Tuan Guru Hj Omar dan beberapa tokoh yang lain lagi.

Penulis memilih tajuk ini kerana merasakan ianya penting untuk dijadikan asas kajian. Ini kerana generasi sekarang mungkin sudah tidak mengenali tokoh tersebut, baik dari segi sejarah hidup maupun sumbangannya.

3

Oleh itu penulis merasa bertanggungjawab untuk membongkar kisah hidup beliau, agar masyarakat hari ini dapat mengetahui siapakah antara orang yang berusaha menghidupkan khazanah ilmu pada saat masyarakat berada dalam kekosongan ilmu pengetahuan.

Natijahnya, daerah Besut sekarang tergolong antara daerah yang berjaya melahirkan para ilmuan dan cendikiawan samada sebagai intelektual profesional maupun ulama yang terkemuka.

Oleh kerana itu tidak hairanlah sekiranya kadar buta huruf sekarang semakin berkurangan jika hendak dibandingkan dengan keadaan pada masa dahulu.

Taraf pendidikan masyarakat yang agak tinggi di daerah Besut, turut menggambarkan bahawa daerah ini adalah antara daerah yang berjaya membentuk masyarakat sebagai celik Islam. Sehingga kini boleh dikatakan 70% masyarakatnya mempunyai asas pendidikan agama. Manakala bagi kaum wanita pula, ramai yang telah menutup aurat.

Itulah serba ringkas penjelasan penulis tentang kepentingan kajian ini. Semoga kajian ini akan dapat mendedahkan kepada semua pembaca tentang perihal pentingnya memperingati atau mengenang jasa para ulama Islam.

3

1.6 Permasalahan Kajian

Kajian penulis menyentuh tentang permasalahan seorang tokoh agama yang terkemuka pada suatu ketika dahulu, iaitu sekitar tahun 40-an. Beliau merupakan salah seorang daripada tiga orang ulama Besut yang dilahirkan sebelum perang Jepun iaitu dalam lingkungan tahun 1941.

Beliau amat masyhur sebagai seorang guru yang berjaya melahirkan ramai ulama dan cendikiawan yang bertanggungjawab menaikkan nama Besut sebagai antara pusat pengajian yang paling berjaya di Negeri Terengganu.

Penyelidikan ini turut meliputi sejarah hidup beliau dan latar belakang pendidikan serta sumbangan beliau dalam arus pendidikan Islam di daerah Besut pada masa kini.

Penulis juga cuba merungkai permasalahan berhubung sejarah bermulanya kesedaran Islam dan pendidikan Islam di daerah ini. Sehingga kini ramai daripada hasil didikan para tokoh terdahulu berjaya melahirkan

generasi tokoh yang baru sebagai kesinambungan kepada perjuangan mereka.

1.7 Masalah Kajian

3

Dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini penulis juga tidak dapat lari dari pelbagai masalah. Antara yang dihadapi ialah:

- (i) Kesukaran untuk mendapat bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian. Ini disebabkan kekurangan bahan tersebut di perpustakaan.
- (ii) Kelemahan didalam proses penterjemahan maklumat dari bahasa Arab ke bahasa Melayu.
- (iii) Penulis menghadapi kesulitan~~s~~ untuk memastikan kesahihan sesetengah fakta kerana mempunyai data yang berbeza dan bertaburan terutamanya berkenaan tarikh dan individu-individu yang terlibat dalam sesuatu peristiwa.
- (iv) Kesukaran membuat temujanji. Ini disebabkan kesuntukan masa responden untuk ditemu bual.

- (v) Menghadapi masalah keewangan dalam usaha mendapatkan maklumat yang lengkap

1.8 Kajian Terdahulu

Sebelum memilih tajuk kajian, penulis telah membuat semakan dan penyelidikan tentang permasalahan yang berhubung dengan topik tersebut.

Hasil kajian daripada penyelidikan yang terdahulu, penulis mendapati telah ramai yang melakukan penyelidikan yang hampir sama dengan tajuk ini. Bagaimanapun penyelidikan mereka dibuat secara umum iaitu mereka mengkaji tokoh-tokoh ulama secara menyeluruh tidak khusus kepada kajian seorang tokoh. Atau dalam erti kata lain belum ada lagi yang melakukan kajian khusus terhadap ketokohan dan penglibatan Tuan Guru Hj. Omar, sebagai salah seorang tokoh terawal yang bertanggungjawab memulakan Pendidikan Islam di daerah Besut. Contohnya seperti kajian Syafei Abu Bakar dengan bukunya yang bertajuk "**Latar belakang Keagamaan Di Terengganu**". Beliau membuat kajian terhadap keseluruhan tokoh-tokoh yang terbabit dalam pembangunan pendidikan Islam di Negeri Terengganu dengan mengkaji segala aspek secara umum, iaitu tidak tertumpu kepada seorang tokoh sahaja. Dan juga terdapat banyak lagi kajian-kajian dan penyelidikan lain yang seumpamanya.

Sebagai anak watan Besut , penulis merasa terpanggil dan bertanggungjawab untuk membuat penyelidikan khusus terhadap ketokohan beliau. Ini kerana beliau adalah tokoh pendidik yang berkaliber dan berwibawa di ambang kebangkitan kesedaran masyarakat tentang Islam.

3

1.9 Metodologi Penyelidikan

Metodologi berasal daripada perkataan Yunani iaitu “**Methodos**” yang bermaksud cara dan “**Logos Or Logia Or Logy**” bererti ilmu.²⁶ Oleh itu metodologi membawa maksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian.²⁷ Dalam konteks ini, ia berkaitan dengan penyelidikan atau kajian.

Menurut Dr. Teuku Iskandar “**Metodologi**” ialah satu sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu kajian.²⁸ Dalam konteks penelitian ia bermaksud ilmu tentang cara penelitian dan penyelidikan.

Manakala menurut Koentjaningrat, perkataan metodologi berasal daripada Yunani iaitu “**Methodos**” bererti jalan atau cara, dan “**Logos**” bererti ilmu. Ia menjadi satu aspek penting dalam pengkajian ilmiah iaitu cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran kajian.²⁹

1.9.1 Metod yang digunakan

Dalam menyiapkan kajian ini penulis menggunakan 2 jenis metod utama iaitu:

- (i) Metod Pengumpulan Data
- (ii) Metod Analisa Data

Penulis menggunakan metod ini adalah untuk memperolehi maklumat yang tepat dan bernilai dari segi objektivasi dan validitasi.³⁰

1.9.1.1 Metod Pengumpulan Data

Teknik atau metod yang digunakan dalam mengumpulkan data adalah cara biasa yang sering digunakan dalam penyelidikan. Antaranya metod wawancara, temubual, skala objektif, teknik projektif, pengamatan dan pemerhatian.³¹

Dalam usaha pengumpulan data ini penulis telah menggunakan metod-metod tersebut ialah:

- (i) Metod Historis
- (ii) Metod Dokumentasi
- (iii) Metod Interview

(i) Metod Historis

Metod Historis bererti sesuatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.³² Ia merupakan proses pengumpulan data, maklumat dan fakta-fakta yang diambil daripada sumber-sumber perspektif sejarah tentang masalah yang dibincangkan didalam kajian ini.

Penulis menggunakan metod ini dalam usaha mendapatkan data-data tentang perkara-perkara berikut :

- (i) Latar belakang Masalah
- (ii) Pengenalan Tokoh

(ii) Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi bermaksud cara penyampaian data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti.³³

Pengumpulan data dengan cara ini juga dikatakan sebagai cara dogmatik iaitu berwibawa. Iaitu dengan memperolehi data daripada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk yang diselidiki.

Apa yang dimaksudkan dengan dokumen ialah bahan atau sumber bertulis yang boleh dijadikan bukti atau keterangan sahih tentang sesuatu.³⁴

3

Dokumen-dokumen juga antara lain ialah gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan-peraturan, perutusan pengadilan dan sebagainya.³⁵

Termasuk dalam dokumen juga ialah alat biografi, surat-surat, buku-buku catatan harian, memoir, surat khabar, cerita Roman dan cerita rakyat. Al-Quran dan al-Hadis juga dianggap sebagai dokumen kerana sifatnya yang bertulis dan terjamin kesahihannya.³⁶

Metod Dokumentasi ini digunakan sewaktu melengkapkan data-data berikut :

- (i) Latar Belakang Masalah
- (ii) Landasan Teori
- (iii) Metod Interview**

Interview bermaksud cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat, pendirian, dan tahap kefahaman secara lisan dari seorang yang ditemuramah dengan cara bercakap berhadapan dengan orang tersebut.³⁷

Cara ini dibuat adalah untuk mendapat maklumat secara langsung daripada responden yang berkenaan. Dan lebih tepat lagi secara lisan dari responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka.³⁸

Metod ini telah banyak membantu penulis mengumpulkan data-data yang relevan dengan masalah yang dikaji.

Dalam metod ini, penulis menggunakan pita rakaman sebagai alat membantu kelancaran temuramah. Ini dapat mengelakkan tertinggal data-data serta kenyataan penting yang disampaikan. Walau bagaimanapun, penulis hanya mencatatkan apa yang difikirkan penting sahaja.

Dalam menyiapkan penyelidikan ini penulis telah mengadakan interview dengan beberapa orang ahli keluarga tokoh yang masih hidup dan beberapa orang pelajar beliau.

1.9.1.2. Metod Analisa Data

Setelah kumpulkan dengan lengkap, maka data-data yang diperolehi tersebut dianalisa berdasarkan beberapa metod seperti berikut :

- (i) Metod Induktif
- (ii) Metod Deduktif
- (iii) Metod Komperatif

(i) Metod Induktif

Metod Induktif ialah cara menganalisa data melalui cara berfikir bagi mencari bukti dan keterangan serta hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.³⁹ Penggunaan ini, penulis nyatakan dalam bab ketiga dan bab keempat

(ii) Metod Deduktif

ia merupakan satu cara menganalisa data melalui cara berfikir yang mencari pembuktian dengan cara berpegang kepada dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.⁴⁰

(iii) Metod Komperatif

Metod Komperatif ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi semasa melakukan penelitian dan perbandingan antara beberapa pendapat yang dikemukakan.⁴¹ Penggunaan metod ini dapat dilihat dalam bahagian : Penentuan beberapa orang ahli keluarga dan pelajar tokoh yang dijadikan responden.

1.10 Sistematika Penulisan

Bagi memudahkan kerja, penulis telah menyusun dan membahagikan perbahasan kepada lima bab.

3

Bab Pertama: Iaitu Bab Pendahuluan. Di dalam bab ini disentuh berkenaan dengan sejarah awal Besut dan sejarah pendidikan Islam di daerah Besut. Bab ini juga turut memperkatakan tentang pengertian tajuk, tujuan, kepentingan, metodologi, masalah kajian, permasalahan kajian, kajian terdahulu dan sistematika penulisan , malah merupakan asas kepada perbincangan seterusnya.

Bab Kedua: Bab ini membicarakan tentang landasan teori yang mengandungi pengakrifan pendidikan, perkembangan pendidikan Islam, sejarah pendidikan Islam sebelum dan selepas merdeka, dan pendidikan Islam di Malaysia.



Bab Ketiga : Bab ini membincangkan tentang sejarah pendidikan Islam di daerah Besut, pengenalan tokoh, tempat kelahiran, pendidikan, latar belakang keluarga, peribadi dan kebolehan serta kejayaan yang beliau capai di dalam pendidikan.

Bab Keempat : Ini merupakan bab kemuncak kepada penyelidikan yang dilakukan oleh penulis. Disini dibincangkan dengan lebih terperinci

berkaitan dengan sumbangan tokoh terhadap pendidikan Islam di daerah Besut.

Bab Kelima : Ini merupakan bab yang terakhir dalam penulisan ini. Di dalamnya mengandungi kesimpulan dan rumusan hasil daripada kajian yang telah dibuat bermula daripada bab pertama hingga bab keempat. Turut dimuatkan saranan-saranan kepada pihak-pihak tertentu untuk dibuat pertimbangan sewajarnya.

Nota Hujung

- ¹ *Malaysia Dari Segi Sejarah*, (1983), Kuala Lumpur: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Percetakan Season Sdn Bhd, hal. 33
- ² *Gema Data* (1993), Julai- September, (ttp), hal.2
- ³ *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Op.Cit, hal.31
- ⁴ *Gema Data*, (1993) Op.Cit, hal. 2
- ⁵ *Pesta Rakyat Besut* (1976), (ttp), hal. 1
- ⁶ *Malaysia Dari Segi Sejarah* (1983) Op.Cit, hal. 31
- ⁷ *Pesta Rakyat Besut* (1976) Op.Cit, hal. 16
- ⁸ *Gema Data*,(1993) Op.Cit, hal.2
- ⁹ *Malaysia Dari Segi Sejarah* (1983), Op.Cit, hal. 34
- ¹⁰ *Gema Data*, (1993),Op.Cit, hal. 2
- ¹¹ *Pesta Rakyat Besut*, (1976), Op.Cit, hal. 39
- ¹² *Gema Data*, (1993), Op.Cit, hal. 2
- ¹³ Nik Mohd b. Nik Mohd Salleh (1985) *Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam Di Kelantan, Dalam “Warisan Kelantan”*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hal. 96
- ¹⁴ Dato' Haji Mohd Salleh b. Hj Awang (MISBAHA) & Mohd Yusof Abdullah,(1987) *PESAKA IV*, cet.1, Terengganu: Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu,hal. 16
- ¹⁵ *Malaysia Dari Segi Sejarah*, (1983),Op.Cit, hal. 40-41
- ¹⁶ Muhammad Abu Bakar (1991) *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, hal. 63-64
- ¹⁷ Majalah Pengasuh, Julai-September (1996), Bil.544, hal.13

- ¹⁸ *Kamus Dewan* (1989) Edisi Baru, Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal.249
- ¹⁹ Haji Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Cet. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, hal. 1813³
- ²⁰ *Ibid*, hal. 571
- ²¹ *Ibid*, hal. 438
- ²² *Kamus Dewan*, (1989) Selangor: Edisi Baru Dewan, Edisi Baru, Dewan Bahasa DanPustaka, hal. 280
- ²³ Hj Zainal Abidin Safarwan, (1995),*Op.Cit* , hal. 382
- ²⁴ *Pesta Rakyat Besut* , (1976), *Op.Cit*, hal. 16
- ²⁵ Hasan Hamzah (1997), *Kamus Melayu Global*, cet.2, Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn Bhd, hal. 1153
- ²⁶ Imam Barnadib,(1982)) *Arti Dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta:Yayasan Percetakan Fip Ikip, hal 51
- ²⁷ Teuku Iskandar (Dr) (1993), *Kamus Dewan Edisi Baru*, Cet 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka⁴,hal. 826
- ²⁸ *Ibid*, hal. 826
- ²⁹ Koentjaraningrat,(1986) *Metod Penelitian Masyarakat*, Cet. Viii, Jakarta: Penerbit PT Gramada, hal. 7
- ³⁰ Imam Barnadib, *Op.Cit*, hal. 54
- ³¹ Drs Komaruddin,(tt) *Metod Penulisan Diskripsi Dan Thesis*, Bandung Indonesia : Angkasa,hal. 113
- ³² Imam Barnadib , *Op.Cit*, hal. 52

- ³³ Abd Halim b. Mat Diah, *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hal. 115
- ³⁴ Teuku Iskandar,(1993), *Op.Cit*, hal. 282
- ³⁵ Imam Barnadib, *Op.Cit*, hal. 35
- ³⁶ Abd Halim b. Mat Diah ,(1986), *Falsafah Pendidikan Islam Di Institut Pengajian Tinggi Di Malaysia*, Yogyakarta: Kajian Ilmiah (IAIN), Sunan Kalijaga, hal. 116
- ³⁷ Imam Barnadib, *Op.Cit*, hal. 16
- ³⁸ (1986), *Arti Dan Sejarah Pendidikan Islam Di Malaysia*, hal. 129
- ³⁹ Abd. Halim b. Mat Diah,(1986) *Op.Cit*, hal.5
- ⁴⁰ Imam Barnadib, *Op.Cit*, hal. 52
- ⁴¹ Abd Halim b. Mat Diah (1986), *Op.Cit*, hal. 136